

03 MAR 2003

LING-MAS/I

LEBIH BANYAK LALUAN UNTUK AIR ASIA, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan memberikan Air Asia lebih banyak laluan penerbangan bagi mewujudkan saingan yang sihat dengan syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines, demikian menurut Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata langkah itu tidak akan memberikan sebarang kesan negatif kepada Malaysia Airlines memandangkan hak yang diberikan adalah dalam ruang lingkup tambang yang dikenakan.

"Rekod menunjukkan yang walaupun kita telah meluaskan pesawat membawa penumpang lebih daripada satu juta dalam tempoh satu tahun lepas, pengangkutan MAS tidak pernah jatuh yang mana ini bermakna kita telah membentuk kumpulan pengembaraan baru," kata beliau kepada pemberita selepas pembukaan rasmi Pusat Logistik DHL Danzas di Puchong.

Dr Ling juga berkata pada masa ini, kedua-dua syarikat penerbangan itu bersaing dalam persekitaran yang sihat memandangkan kerajaan mempunyai kuasa terhadap harga tambang domestik.

Beliau ditanya mengenai perkembangan terbaru mengenai "formula" yang dicadangkan bagi membenarkan persaingan sihat antara MAS dan Air Asia.

Beliau berkata cadangan itu akan dibawa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum perdana menteri berangkat menghadiri Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) yang dijadual berlangsung di Doha, Qatar.

Dalam perkembangan lain, Dr Ling berkata kerajaan bercadang menjalankan kajian ke atas perangkaian logistik negara.

Beliau berkata, kajian yang dijangka bermula tidak lama lagi, antaranya akan mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diperbaiki.

Juru perunding dengan kelulusan daripada Perbendaharaan dan rangkaian antarabangsa akan diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan kajian ini.

Danzas merupakan salah sebuah syarikat logistik di dalam negara yang menawarkan antara lain fret udara, fret lautan dan perkhidmatan rumusan pengurusan rangkaian bekalan.

Pusat logistik itu, bernilai kira-kira RM30 juta merupakan kemudahan rumah gudang di Malaysia dan telah memulakan operasi pada bulan Jun 2002.

-- BERNAMA

NM KTC AA